



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

TEKS UCAPAN

**YB TUAN HAJI KHALID BIN ABD. SAMAD
MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN**

SEMPENA

MAJLIS PELANCARAN PROGRAM IKON REMAJA WILAYAH PERSEKUTUAN

PUSAT KONVENSYEN ANTARABANGSA PUTRAJAYA (PICC)

16 MAC 2019 (SABTU) / JAM 9.00 PAGI

Salutasi (Akan dimuktamadkan)

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh Dan Salam Sejahtera

PENDAHULUAN

1. Terlebih dahulu saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah swt kerana kita dapat berkumpul di Dewan Plenari, Pusat Konvensyen

Antarabangsa Putrajaya (PICC) pada hari ini bagi menyaksikan Majlis Pelancaran Program Ikon Remaja Wilayah Persekutuan. Kementerian Wilayah Persekutuan selaku penganjur utama mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada YAB Tun Dr. Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri atas kesudian beliau untuk hadir bagi menyempurnakan upacara Pelancaran Program Ikon Remaja Wilayah Persekutuan.

2. Program ini mendapat sokongan yang amat positif dan baik daripada rakan-rakan strategik kita dari pelbagai Kementerian, Agensi Kerajaan dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO). Justeru, saya menghargai komitmen ini dan mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua yang terlibat.

Hadirin sekalian,

3. Pada hari ini kita meraikan remaja-remaja kita yang terpilih mengikuti Program Ikon Remaja Wilayah Persekutuan. Program ini mensasarkan penglibatan seramai 2,000 orang remaja berusia 12 hingga 17 tahun yang menetap di kawasan Program Perumahan Rakyat (PPR) dan Perumahan Awam Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (PA DBKL). Program ini akan dilaksanakan berdasarkan enam modul yang dijangka selesai dalam tempoh enam hingga lapan bulan. Secara umumnya, enam modul di dalam Program Ikon Remaja Wilayah Persekutuan adalah :

- i) Modul Kerohanian dan Sahsiah;**
- ii) Modul Kebajikan dan Kemasyarakatan;**
- iii) Modul Patriotisme dan Perpaduan;**
- iv) Modul Kesihatan dan Rekreasi;**
- v) Modul Kemahiran dan Daya Kreativiti; dan**
- vi) Modul Sukan.**

4. Modul-modul ini walaupun dijalankan secara santai namun berimpak positif kepada remaja yang menyertainya. Di mana proses pengajaran dan pembelajaran akan dijalankan secara pemerhatian, perbincangan, kerja

berpasukan dan ceramah ringkas sebelum sesuatu aktiviti dilaksanakan. Dengan menggunakan *tagline* “Wilayah Ceria Inspirasiku” ataupun secara singkatannya “WiN”, program ini dilihat sebagai agen perubahan bagi memberi inspirasi “winning attitude” kepada remaja untuk mempunyai kebolehpayaan bangkit daripada kegagalan dan seterusnya mengecapi kemenangan yang sebenar iaitu mempunyai rasa ingin berjaya di dalam diri masing-masing.

5. Saya percaya aktiviti dan latihan yang dilaksanakan akan memenuhi minat remaja-remaja kita agar turut sama memberikan komitmen semasa mereka menyertai program ini. Sekali lagi saya juga mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua pihak yang bersama-sama membanting tulang bagi memastikan kejayaan program ini dicapai sepenuhnya.

6. Program Ikon Remaja Wilayah Persekutuan ini juga merupakan suatu platform untuk menggunakan kemudahan fasiliti sedia ada sepenuhnya seperti gelanggang seliaan Jabatan Belia dan Sukan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JBSWPKL) dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) serta padang-padang sekolah di sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Saya juga ingin memberikan penghargaan Kerajaan kepada Fasilitator-fasilitator program yang terdiri dari sukarelawan di kalangan pegawai dan staf agensi Kerajaan, dan NGO. Ini termasuklah pemimpin komuniti serta Ahli Jawatankuasa Masjid dan Surau di kawasan perumahan.

Hadirin sekalian,

7. Kerajaan melalui seliaan Kementerian Wilayah Persekutuan pada 22 Januari 2019 telah melantik wakil pemimpin komuniti di setiap Parlimen Wilayah Persekutuan bagi menganggotai Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan (MPPWP). Majlis ini dipertanggungjawabkan menjalankan aktiviti kemasyarakatan dan menjadi tali penghubung di antara Rakyat dan Kerajaan. Majlis ini juga berfungsi dan bertindak membantu menangani sebarang permasalahan yang dihadapi oleh penduduk setempat serta pelaksanaan dasar-dasar yang digariskan oleh Kerajaan.

8. Bagi program seperti Ikon Remaja Wilayah Persekutuan, MPPWP amat berperanan dalam membantu menggerakkan remaja yang berpotensi menjadi Ikon dan juga dalam menyediakan sokongan sama ada dari segi logistik mahupun tenaga kerja di kawasan komuniti masing-masing. Saya berharap MPPWP dapat menjalankan fungsi dan tugas mereka sebagai medium terbaik. Ini kerana hubungan mereka yang dekat dengan masyarakat dan golongan remaja di kawasan masing-masing. Saya berharap amanah ini dapat dipikul dengan baik oleh ahli-ahli MPPWP.

9. Akhir kata, sebelum mengundur diri, saya yakin dan percaya bahawa program sebegini akan mendorong dan memberi rangsangan positif kepada remaja untuk menyerlahkan ketrampilan diri dan meningkatkan sahsiah diri mereka. Saya menyeru kepada semua peserta yang terpilih agar memanfaatkan peluang yang diterima melalui program ini. Berlandaskan semangat “Wilayah Dipedulikan, Harapan Dipenuhi”, Kementerian Wilayah Persekutuan akan memastikan remaja dibantu sewajarnya.

Sekian. Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.